

# PM perjelas tujuan untuk menerapkan nilai Islam

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, usaha menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam sistem pentadbiran negara bukan bertujuan menakut-nakutkan setengah-setengah pihak atau mengislamkan rakyat bukan Islam.

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, ia adalah berdasarkan kepada rasional bahawa sesebuah negara tidak mungkin mencapai dan menjamin kebahagiaan tanpa mengamalkan nilai-nilai moral yang tinggi.

Sesungguhnya, kata beliau, semua nilai Islam tidak berbeza dari nilai-nilai yang tinggi serta mulia yang diterima oleh alam sejagat.

"Cuma mereka yang sudah membelakangkan nilai-nilai moral yang wajar yang akan terasa

terancam dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan dan gerak-geri negara.

"Rakyat tidak perlu kluatir dengan telatah beberapa kumpulan pelampau kerana itu bukanlah dari ajaran Islam yang sebenar dan kerajaan tidak berminat untuk menyerap amalan-amalan mereka," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan demikian ketika menyampaikan ucapan dasarnya selaku Presiden Umno di Perhimpunan Agung Umno ke-34 di sini.

Menurutnya, Islam adalah agama kesederhanaan serta bebas dari sebarang paksaan dan kerajaan akan terus berusaha menjelaskan agama Islam yang sebenar, sekalipun ada pelbagai tuduhan oleh mereka yang berkepentingan.

"Islam tidak menganjurkan paksaan dan Islam juga tidak mendeda-pat untung jika mereka memeluk Islam kerana dipaksa, kerana takut atau kerana muslihat-muslihat tertentu.

"Yang kita mahu ialah umat Islam benar-benar mengamalkan nilai-nilai Islam dan yang bukan Islam mengamalkan nilai-nilai mulia yang sudah tentu tidak bertentangan dengan nilai Islam dan dapat hidup dalam suasana aman, maju, harmoni dan bahagia," jelasnya.

Perdana Menteri tidak menyetujui pendapat setengah-setengah pihak yang mahukan supaya diadakan undang-undang Islam untuk melahirkan umat Islam yang beriman dan bertakwa.

Cara ini, katanya, akan melahirkan orang-orang Islam "cuma pada zahirnya sahaja".

## Rajin

"Mereka akan lari ke sana sini dalam usaha mereka untuk mengelak dari undang-undang Islam. Dengan ini, peristiwa-peristiwa yang memalukan berakulah di negara-negara bukan Islam tempat orang Islam suka pergi," katanya disambut tepukan gemuruh perwakilan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menolak dakwaan setengah-setengah golongan yang berpendapat bahawa kononnya proses penerapan nilai-nilai Islam itu sebagai "permulaan kepada satu proses revolusi Islam dan satu tindakan radikal untuk mengislamkan orang-orang bukan Islam di negara ini".

Mengenai daya pengeluaran, Perdana Menteri menjelaskan bahawa sikap rajin bekerja dan berdisiplin adalah antara faktor utama yang dapat menjayakan usaha ke arah meningkatkan lagi daya pengeluaran negara.

"Itulah sebabnya kerajaan menganjurkan supaya kita semua mengamalkan etika kerja yang baik. Yang dimaksudkan dengan etika kerja ialah semangat dan cara bekerja yang diasaskan kepada nilai moral yang tinggi dan membelakangkan nafsu.

"Upah untuk kerja memang penting, tetapi bekerja semata-mata kerana upah akan menjadikan kita sebagai hamba upahan," tegasnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Siri ..... 5872 .....  
Penerimaan..... 189/86 .....